

1976  
KUALA LUMPUR, 4 NOV. (BERNAMA) -- BAHASA MALAYSIA AKAN MENGGANTIKAN INGGERIS SEBAGAI BAHASA PENGANTAR BAGI DARJAH SATU DI SEKOLAH-SEKOLAH INGGERIS KERAJAAN DAN BANTUAN KERAJAAN DI SARAWAK MULAI 1 JANUARI TAHUN DEPAN.

DEMIKIAN DIUMUMKAN OLEH TIMBALAN PERDANA MENTERI YANG JUGA MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMED DAN KETUA MENTERI SARAWAK, DATUK PATINGGI HAJI ABDUL RAHMAN YAKUB DALAM SATU KENYATAAN BERSAMA HARI INI.

MENURUT KENYATAAN ITU, UNTUK MEMENUHI MATLAMAT SISTEM PELAJARAN KEBANGSAAN KERAJAAN TELAH MEMUTUSKAN UNTUK MENGUBAH SECARA BERPERINGKAT-PERINGKAT BAHASA PENGANTAR INGGERIS KE BAHASA MALAYSIA DI SEMUA SEKOLAH INGGERIS KERAJAAN DAN BANTUAN KERAJAAN DI SARAWAK.

INI AKAN DIMULAKAN DENGAN DARJAH SATU DARI 1 JANUARI TAHUN DEPAN.

BAHASA MALAYSIA TELAH DIJADIKAN MATAPELAJARAN WAJIB BAGI DARJAH SATU DI SEMUA SEKOLAH KERAJAAN DAN BANTUAN KERAJAAN TAHUN INI.

INI AKAN DIPERLUASKAN KE DARJAH DUA TAHUN DEPAN, DARJAH TIGA DALAM TAHUN 1978 DAN SETERUSNYA. -- BERSAMBUNG 2138/ZCM

££

B656:

PENGANTAR 2 KUALA LUMPUR

KENYATAAN ITU MENAMBAH, KERAJAAN MEMPUNYAI GURU SECUKUPNYA UNTUK MEMASTIKAN PERALIHAN ITU BERJALAN LANCAR.

ADALAH DIJANGKAKAN BAHAWA DALAM TAHUN 1982, BAHASA MALAYSIA AKAN MENJADI BAHASA PENGANTAR UTAMA DI SEMUA PERINGKAT SEKOLAH RENDAH, MENJELANG TAHUN 1987 DI SEMUA PERINGKAT SEKOLAH MENENGAH DAN DALAM TAHUN 1989 BAGI TINGKATAN ENAM.

KERAJAAN JUGA MEMUTUS UNTUK MEMPERLUASKAN SEKIM PINJAMAN BUKU TEKS KEPADA MURID-MURID DARJAH SATU DI SEKOLAH-SEKOLAH MELAYU DI SARAWAK MULAI TAHUN DEPAN. -- BERNAMA 2141/ZCM